

Budi bicara UPM

Khaled gesa Naib Canselor buat keputusan membolehkan Roslinda dapat biasiswa dan pada masa yang sama memberi tumpuan terhadap latihan di Itali

>>Oleh Kamarulzaman Pid


amar@hmetro.com.my

DILEMA jaguh lompat bergalah wanita negara, Roslinda Samsu (*gambar*), yang berada di persimpangan jalan sama ada menerima tawaran berlatih di Pusat Latihan Berprestasi Tinggi (HPTC) di Formia, Itali atau meneruskan pengajiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM), berakhir semalam.

Kata pemutus itu diperoleh selepas Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, meminta supaya UPM menggunakan budi bicara mereka bagi membolehkan Roslinda menangguhkan pengajiannya di universiti itu dan pada masa yang sama, memberi tumpuan terhadap latihannya di Itali.

"Kita akan bincang balik dengan UPM dan tengok berapa lama masa Roslinda akan menamatkan pengajiannya.

"Kementerian akan memberi



kebenaran kepada Naib Canselor UPM menggunakan budi bicara mereka untuk membolehkan dia mendapat biasiswa dan pada masa sama menjalani latihan di Itali," katanya selepas melancarkan Larian Obor Sukan Universiti Asean kali ke-14 (SUA 2008) di perkarangan Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya, semalam.

Jika menerima tawaran itu, Roslinda bukan saja berpeluang meningkatkan prestasinya juga menjalani latihan bersama bekas jurulatihnya, Gennady Potapovich, yang kini bertugas di HPTC Itali.

Mohamed Khaled berkata beliau memahami dilema yang dihadapi Roslinda berikutan perkembangan sukan di negara ini yang tidak memberi jaminan kehidupan mewah bagi seseorang atlet itu.

"Mungkin dia khuatir pelajarannya akan terganggu kerana di Malaysia, kita belum mencapai tahap di mana ahli sukan dapat pendapatan lumayan," katanya.

Jika menerima tawaran itu, Roslinda bukan saja berpeluang meningkatkan prestasinya juga menjalani latihan bersama bekas jurulatihnya, Gennady Potapovich, yang kini bertugas di HPTC Itali